

24 APR 1997

Mahathir-Myanmar

MALAYSIA MENYOKONG KEMASUKAN MYANMAR TIDAK KIRA PEMERINTAHNYA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan tetap menyokong kemasukan Myanmar ke dalam Asean tidak kira parti politik mana yang membentuk kerajaan negara itu.

Perdana Menteri berkata, "Kita tidak menyokong kerajaan atau individu, kita hanya menyokong kemasukan Myanmar ke dalam Asean."

Sokongan Malaysia bagi kemasukan Myanmar ke dalam perkumpulan serantau itu tidak berdasarkan kepada jenis kerajaan ataupun individu-individu yang menerajui negara itu, menurut beliau lagi.

"Jika mereka di Myanmar menukar kerajaan, mereka masih berada dalam Asean. Jika mereka mahu mengekalkan kerajaan yang ada, itu keputusan mereka," kata Perdana Menteri apabila diminta mengulas mengenai pendirian Malaysia terhadap kemasukan Myanmar dalam Asean.

Sebelum itu, Dr Mahathir mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Negara di Jabatan Perdana Menteri, di sini. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan mengambil pendirian tegas mengenai kemasukan Myanmar di Mesyuarat Menteri-menteri Asean di sini pada Julai dan persidangan informal pada hujung tahun. Malaysia menjadi tuan rumah kepada kedua-dua pertemuan itu.

Menteri-menteri Luar Asean dijadualkan bermesyuarat di sini pada 31 Mei untuk membincangkan tarikh kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos dalam perkumpulan serantau itu yang kini terdiri daripada Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Beliau berkata Malaysia, sebagai negara bebas akan bertindak bebas dalam isu kemasukan Myanmar ke dalam Asean.

"Saya tidak tahu mengenai anggota-anggota lain Asean tetapi saya pasti mengambil pendirian tegas mengenai perkara itu. Saya tidak mahu orang memberitahu saya siapa kawan saya dan siapa musuh saya. Saya membentuk musuh sendiri," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, adalah malang bagi Asean untuk diberitahu oleh pihak-pihak tertentu yang beberapa negara di Asia tidak boleh menganggotai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Sudah tentu kita boleh meneruskannya (membentuk EAEC) tetapi negara-negara anggota lain telah dihalang daripada menyertai EAEC. Saya ingat ini dunia bebas, bebas macam mana," kata beliau lagi.

Dr Mahathir juga ditanya mengapa Malaysia mengubah pendiriannya dalam mengenakan sekatan terhadap negara-negara seperti Myanmar yang tidak mengamalkan demokrasi berbanding dengan pendiriannya terhadap dasar aparteid di Afrika Selatan. Dr Mahathir menjawab: "Tiada perubahan".

"Apabila kita menyokong sekatan itu terhadap Afrika Selatan, ia sebenarnya diminta oleh ANC (Kongres Kebangsaan Afrika) dan rakyat kulit hitam di negara itu. Mereka mahukan sekatan itu dan sedia menghadapi kesannya," kata beliau.

Dalam kes Myanmar, Perdana Menteri berkata rakyat negara itu tidak meminta sekatan kecuali Aung San Su Kyii yang mempunyai agenda politiknya tersendiri.

"Sekatan akan menjejaskan rakyat dan bukannya kerajaan. Kerajaan akan terus berfungsi dengan segala kemewahan jika mereka mahu ... (sebagai contoh) sekatan terhadap Iraq telah menjejaskan rakyat Iraq tetapi bukan kerajaan Iraq atau pemimpin-pemimpinnya. Jadi kita tidak harus membuat perkara seperti itu terhadap rakyat negara lain," kata beliau.

Awal minggu ini, Amerika Syarikat (AS) mengumumkan keputusannya untuk menghalang pelaburan baru AS di Myanmar sehingga Majlis Pemulihan Undang-undang dan Ketenteraman (SLORC) yang mentadbir negara itu memperbaiki keadaan hak asasi manusia di Myanmar.

Apabila seorang wartawan menunjukkan yang sekatan terhadap Afrika Selatan telah membawa kepada pemansuhan regim aparteid, Dr Mahathir berkata, sekatan itu berjaya hanya kerana bekas presiden Afrika Selatan, F.W De Klerk, sedar tiada masa depan dalam mengekalkan sistem itu.

"Sebahagian daripadanya berjaya. Yang penting ialah kesedaran dan orang seperti De Klerk mendapati tiada masa depan dengan aparteid," kata beliau lagi.

Perdana Menteri berkata Malaysia, buat masa ini akan terus menerima kerajaan SLORC sebagai wakil bagi rakyat Myanmar.

"Kita tidak mempunyai perbalahan dengan mereka," dan anggota-anggota Asean sentiasa berpegang kepada prinsip yang tiada negara anggota harus mempersoalkan status kerajaan negara anggota lain, kata beliau.

"Kita tidak tanya kerana dalam Asean hari ini ada kerajaan yang dianggap demokratik dan tidak demokratik. Dan seperti yang anda ketahui, Malaysia sentiasa dituduh mempunyai kerajaan yang tidak demokratik. jadi adakah itu bermaksud kita perlu menyingkirkan diri daripada Asean," kata beliau. -- BERNAMA.

AH NI PR